

Implikasi Status Sosioekonomi Ibu Bapa ke atas Kesejahteraan Pendidikan Anak

V. Suresh Kumar

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

suresh@usm.my

ABSTRAK

Kajian ini memberi perhatian kepada pengaruh status sosioekonomi ke atas penglibatan ibu bapa demi kesejahteraan pendidikan anak di Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. Bagi pengumpulan data kuantitatif daripada sampel ibu bapa pelajar, sebanyak 150 orang pelajar berbangsa India iaitu masing-masing 50 orang pelajar dari Tahun Tiga, Tahun Empat dan Tahun Lima daripada jumlah 194 pelajar India yang belajar di Sekolah Kebangsaan dipilih mengikut persampelan rawak berlapis. Berdasarkan jumlah pelajar ini, salah seorang samia ada ibu atau bapa bagi setiap pelajar dipilih (atas pandangan anak tentang orang yang paling banyak meluangkan masa bersamanya dalam membantu pendidikannya) untuk dijadikan responden kajian bagi sampel ibu bapa. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan praktis-praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak masing-masing. Regresi logistik binari pula digunakan untuk menentukan sejauhmana latar belakang sosioekonomi memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa ke atas pendidikan anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa latar belakang sosioekonomi ibu bapa terutamanya taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan menunjukkan hubungan yang signifikan ke atas pelbagai praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak walaupun pengaruhnya tidak besar. Kajian juga membuktikan bahawa taraf pendidikan merupakan pembolehubah yang paling penting dalam mempengaruhi penglibatan ibu bapa demi kesejahteraan pendidikan anak. Hasil kajian turut menunjukkan kepentingan pembolehubah sosioekonomi seperti pendapatan dan pekerjaan dalam mempengaruhi penglibatan ibu bapa demi kesejahteraan pendidikan anak.

Pendahuluan

Setiap anak mempunyai keperluan dan hak yang sama untuk melalui tahap-tahap perkembangan di samping mempunyai matlamat dalam hidup (Gordon dan Brown, 1989).

Dalam hal ini, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak amat penting bagi perkembangan seseorang anak. Setiap anak mendapat manfaat apabila ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak, dan apabila setiap ibu bapa mempunyai keyakinan dalam membantu anak mereka berjaya di sekolah (Eliason dan Jenkins, 2003: 58). Oleh itu, faktor-faktor tertentu dalam penglibatan ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat ke atas corak

pembelajaran, perkembangan kognitif dan pencapaian pendidikan anak (Gestwicki, 2000).

Dari sudut ibu bapa pula, mereka mempunyai tanggungjawab yang tinggi untuk membangunkan satu set idea yang jelas tentang bagaimana anak perlu membesar dan belajar (Gordon dan Brown, 1989) dan lebih awal ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan, lebih tinggi manfaat yang diterima oleh mereka (Eliaison dan Jenkins, 2003). Oleh sebab penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting kepada kognitif dan perkembangan sosial seseorang anak (Weis, et al., 2006) maka penglibatan ibu bapa ini amat bermakna dalam menjamin kecemerlangan pendidikan seseorang anak yang berada di bangku persekolahan (Chrispeels dan Rivero, 2001).

Melalui penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak khususnya di rumah dan di sekolah, sesebuah keluarga berupaya melentur tingkah laku anak untuk mencapai kejayaan dalam hidup (Gestwicki, 1987). Pengasuhan anak yang baik pada peringkat ini dapat membentuk perangai, tingkahlaku, personaliti, bakat dan potensi pada diri anak tersebut (Manja Mohd Ludin, 1990). Oleh itu, pencapaian dan aspirasi yang tinggi dalam pendidikan berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa yang positif dalam pendidikan (Liontos, 2004). Hal ini kerana, hubungan yang signifikan antara ibu bapa dan anak bukan sahaja membantu pembangunan kognitif anak mereka malah membantu perkembangan anak berpandukan kemahiran yang diterima selaras dengan keperluan organisasi sekolah (Baker dan Stevenson, 1986).

Kajian-Kajian Empirikal tentang Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak

Dalam dekad-dekad terakhir ini, lebih banyak perhatian diberikan kepada kajian-kajian pendidikan tentang kemerosotan pencapaian pendidikan dalam kalangan pelajar (Demie, et al., 2002). Salah satu fokus utama dalam kajian-kajian mengenai pendidikan ini ialah

penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak di rumah dan di sekolah.

Pelbagai ukuran praktis ibu bapa di rumah dan penglibatan ibu bapa di sekolah menjadi tumpuan utama kebanyakan pengkaji dalam menilai penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian pendidikan anak (Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 128). Kebanyakan pengkaji mendapati penglibatan ibu bapa di rumah (Entewisle dan Hayduk, 1981; Lockheed, et al., 1989; Israel, et al., 2001; Ho-Sui Chu dan Willms, 1996; Baker dan Stevenson, 1986) dan di sekolah (Lareau, 1987; Ramsay, et al., 1992; Reay, 2004; Milne, et.al., 1986; Baker dan Stevenson, 1986; Epstein, 1995; Lareau, 1987) dapat memberi kesan yang positif kepada pencapaian anak. Sebaliknya, penglibatan ibu bapa yang kurang dalam pendidikan anak akan menjejaskan pencapaian pendidikan anak (Heyns dan Catsambis, 1986; Myers, et al., 1987; Milne, et al., 1986; Mulkey et al., 1992). Realitinya, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak amat bermakna kepada seseorang anak yang berada pada peringkat persekolahan. Seperti yang dikatakan oleh Bourdieu (1977), hubungan yang kuat antara praktis-praktis budaya dan tahap pendidikan bergantung kepada tindakan sistem pendidikan yang mampu mencapai keberkesanan hanya jika seseorang individu terdedah kepada dunia melalui asuhan awal keluarga.

Tidak kira penglibatan ibu bapa di rumah atau penglibatan ibu bapa di sekolah, tingkah laku penglibatan ibu bapa ini kuat dipengaruhi oleh latar belakang keluarga terutamanya taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pendapatan isi rumah. Banyak kajian yang mengaitkan penglibatan ibu bapa dengan kelas sosial ibu bapa. Tidak kurang pula yang melihat penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dari sudut sosioekonomi.

Kajian Lareau (1987) yang mengaitkan kelas sosial dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mendapati bahawa kekurangan kemahiran, status kerjaya dan

sumber ekonomi dalam kalangan kelas pekerja menjejaskan pengurusan pendidikan anak dan melibatkan secara intensif terhadap persekolahan anak. Golongan kelas pekerja juga kekurangan masa untuk berhubung dengan pihak sekolah malah tidak begitu terdedah dengan kurikulum sekolah (Lareau, 1987), kekurangan pengalaman dalam berhubung dengan golongan profesional (Reay, 1999), bersikap pemaaf, gagal dan kadang kala mengelirukan diri sendiri apabila berhubung dengan guru (Reay, 2004).

Dapatan kajian Sewell dan Hauser (1980) dan Ramsay, et al. (1992) juga signifikan dengan kajian Lareau (1987) dan Reay (1999, 2004). Kajian Sewell dan Hauser (1980) berdasarkan pelajar sekolah Wisconsin mendapati kebanyakan pelajar kelas pekerja memperlihatkan skil kognitif yang rendah dan gagal memiliki aspirasi yang tinggi dalam pendidikan akibat persepsi mereka iaitu ketiadaan dorongan ibu bapa dan guru berpunca daripada kekurangan sumber kewangan. Kajian Ramsay, et al. (1992) juga mendapati ibu bapa daripada kelas pekerja tidak melibatkan diri dalam aktiviti sekolah (walaupun ada keinginan) akibat dibelenggu oleh disebabkan masalah penjagaan anak, perasaan rendah diri dan perasaan penglibatan mereka tidak dihargai oleh pihak sekolah.

Selain kajian-kajian yang menumpukan perhatian kepada faktor kelas sosial, terdapat juga kajian yang merakamkan penglibatan ibu bapa dengan taraf sosioekonomi mereka. Kajian Katsilis dan Robinson (1990) di Greek membuktikan bahawa perbezaan dan kejayaan pendidikan mencerminkan ketidakseimbangan yang dikaitkan oleh status sosioekonomi dan bukannya kedudukan kelas. Kajian Lueptow (1975) mendapati para pelajar yang mempunyai nilai pencapaian yang tinggi sememangnya berasal dari latar belakang keluarga bandar, berpendidikan, berpendapatan tinggi dan mempunyai status pekerjaan yang tinggi. Kajian Ho Sui-Chu dan Willms (1996) membuktikan bahawa taraf sosioekonomi ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap pola interaksi ibu bapa dan anak di dalam

keluarga, komunikasi ibu bapa dengan pihak sekolah, penyeliaan pendidikan anak di rumah selain penglibatan ibu bapa di sekolah.

Berdasarkan kajian-kajian Katsilis dan Robinson (1990), Lueptow (1975) dan Ho Sui-Chu dan Willms (1996) ini, pembolehubah-pembolehubah taraf sosioekonomi seperti pendidikan, pekerjaan dan pendapatan mempunyai pengaruh yang tinggi ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Kesan status sosio-ekonomi terhadap persekitaran keluarga lebih tinggi daripada keupayaannya (Sewell dan Hauser, 1980) maka pendidikan seseorang anak bergantung kepada kekayaan dan aspirasi keluarga berbanding dengan kebolehan dan usaha pelajar (Brown, 1990). Harus diperhatikan bahawa pencapaian pendidikan bergantung kepada seseorang pelajar. Justeru, kebolehan dan daya intelektual seseorang pelajar pula bergantung kepada asas yang diberikan di rumah dari awal perkembangan lagi. Jika faktor persekitaran sesebuah keluarga adalah lemah maka ia tidak akan berhasil dalam menilai pencapaian pendidikan pelajar.

Terdapat banyak kajian yang mencadangkan taraf pendidikan ibu bapa sebagai salah satu cabaran utama dalam kalangan ibu bapa tidak kira daripada ibu bapa kelas pekerja atau daripada status sosioekonomi yang rendah. Tahap pendidikan ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat ke atas penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran anak. Hal ini kerana, kedudukan sosial ibu bapa dalam sistem pendidikan ditentukan oleh pola pendidikan yang dikecapi oleh mereka maka corak pemikiran ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih rapat kepada corak pemikiran pihak sekolah berbanding ibu bapa yang kurang berpendidikan (Raty, 2006).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Baker dan Stevenson (1986), didapati ibu yang berpendidikan tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi terhadap hal persekolahan

anak, lebih banyak menghubungi pihak sekolah, mengetahui pencapaian anak, memantau progres anak dan memimpin anak ke peringkat pengajian tinggi. Kajian Reay (2004) mendapati kebanyakan ibu kelas menengah mempunyai latar belakang pendidikan yang baik dan mengalirkan kejayaan pendidikan mereka kepada anak dalam bentuk keyakinan diri dan penglibatan yang tinggi dalam pendidikan anak. Mereka mendapatkan maklum balas daripada pihak sekolah melalui sesi dialog apabila wujud ketegangan antara rumah-sekolah dan berkeupayaan menolak cadangan yang tidak rasional. Tahap pendidikan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa kelas menengah membolehkan anak-anak daripada kelas ini mempunyai lebih banyak peluang untuk membentuk motivasi ke arah aspirasi pendidikan dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pendidikan yang mungkin berguna sewaktu transisi ke sekolah (Tudge, et. al., 2006; Sewell dan Hauser, 1980).

Selaras kajian-kajian yang dibincangkan di atas, kajian Howell dan Freese (1979) pula mendapati bahawa taraf ekspektasi ibu bapa dan aspirasi terhadap pendidikan adalah tinggi dalam kalangan kulit hitam. Dalam hal ini, ibu bapa yang berpendidikan biasanya berkomunikasi dan berinteraksi dengan anak dengan cara yang lebih kondusif berdasarkan pembangunan intelek mereka, membolehkan anak membesar selaras aspirasi yang positif ke arah pembelajaran dan pencapaian pendidikan (Poston dan Falbo, 1990). Kajian Lockheed, et al. (1989) membuktikan bahawa seseorang anak yang mempunyai bapa yang mempunyai jawatan profesional dan ibu yang berpendidikan tinggi menunjukkan pencapaian tinggi dalam mata pelajaran Matematik. Justeru, dapat dikatakan bahawa penglibatan ibu bapa akibat kekuatan sumber ekonomi dan kekuatan input komunikasi di rumah meningkatkan pencapaian ini.

Tambahan lagi, kajian Kaplan, et al. (2001), terhadap kesan perasaan sendiri negatif ibu bapa dan hubungannya dengan taraf pendidikan ibu bapa serta aspirasi terhadap anak mendapati

bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan yang mempunyai perasaan sendiri negatif yang tinggi akan memperlihatkan ekspektasi yang tinggi dalam pencapaian pendidikan anak namun ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan tingkat perasaan sendiri negatif yang tinggi, kurang memaparkan ekspektasi yang tinggi daripada anak dalam pencapaian pendidikan (Kaplan, et al., 2001). Ekspektasi yang rendah ini menjejaskan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Jelas di sini bahawa lebih tinggi taraf pendidikan dan status pekerjaan ibu bapa maka lebih tinggi aspirasi pendidikan yang diletakkan oleh ibu bapa ke arah kecemerlangan pelajar (Lockheed, et al., 1989).

Selaras kajian itu, kajian Israel, et al., (2001) membuktikan bahawa atribut latar belakang keluarga khususnya kapital sosial yang terdapat dalam keluarga menyebabkan pendidikan anak lebih berkuasa dan positif. Dalam hal ini, jika hubungan ibu bapa-anak adalah kuat maka ibu bapa meletakkan nilai yang tinggi pada pendidikan anak. Oleh itu, maka ibu bapa daripada keluarga yang berpendapatan tinggi atau daripada keluarga yang berpendidikan tinggi dapat melibatkan diri dalam pendidikan anak dengan lebih efektif selaras pencapaian pendidikan yang diinginkan.

Pengaruh latar belakang sosioekonomi ibu bapa terutamanya faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ini juga tidak terkecuali dalam membincangkan hubungan antara isu wanita yang bekerja (Heyns dan Catsambis, 1986; Myers, et al., 1987, Milne, et al., 1986) dan keluarga alternatif (Mulkey, et al., 1992; Myers, et al., 1987, Milne, et al., 1986 dan Astone dan McLanahan, 1991) dalam melihat kesan ibu yang bekerja ke atas pencapaian anak. Dalam hal ini, kajian Heyns dan Catsambis, (1986) yang mendapati bahawa jumlah masa yang diluangkan untuk membantu kerja rumah anak, bilangan anak dalam keluarga, bilangan buku yang terdapat di rumah dan ekspektasi ibu terhadap pencapaian anak bergantung kepada pola pekerjaan seseorang ibu. Hal ini kerana, pola pekerjaan seorang ibu akan

mengakibatkan situasi kekurangan masa untuk menyelia dan mengambil berat terhadap anak masing-masing (Myers, et al., 1987). Selaras hasil kajian ini, kajian Milne, et al. (1986) juga membuktikan bahawa ibu yang bekerja secara separuh masa lebih berkomited dalam pendidikan anak dan membolehkan anak mencapai prestasi yang tinggi. Pekerjaan sepenuh masa dalam kalangan ibu didapati menjejaskan pemantauan ke atas anak terutamanya selepas waktu sekolah.

Beberapa kajian berkaitan kesan keluarga alternatif ke atas pendidikan anak (Mulkey, et al., 1992; Myers et al., 1987; Milne, et al., 1986) pula menjelaskan bahawa pelajar-pelajar daripada ibu bapa tunggal mencapai gred yang rendah, kerap ponteng sekolah, mempunyai keciciran yang tinggi, tidak melakukan kerja rumah, tidak berkomunikasi dengan ibu bapa, terlibat dalam percintaan dan tingkah laku yang negatif berpunca daripada kurangnya masa penyeliaan. Kajian-kajian ini juga disokong oleh Biblarz dan Raftery (1999) dan Astone dan McLanahan (1991) yang mendapati bahawa anak yang berasal dari keluarga ibu atau bapa tunggal dan keluarga tiri juga cenderung ke arah pencapaian pendidikan yang rendah akibat kurangnya penyeliaan di rumah. Kajian-kajian (Milne, et. al., 1986; Mulkey, et al., 1992) juga mendapati bahawa keluarga alternatif sebegini tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan terlalu bergantung kepada sumber pendapatan yang rendah dan kurang mempunyai masa untuk pengurusan rumahtangga. Jelas sekali berdasarkan hasil-hasil kajian yang diterangkan di atas, penglibatan ibu bapa sama ada secara terus atau daripada persekitaran rumah yang memberangsangkan dapat mempengaruhi pencapaian anak (Entewisle dan Hayduk, 1981). Namun, ketiadaan ibu atau bapa akan menimbulkan kesan negatif ke atas proses sosialisasi anak-anak dan penyeliaan anak berasaskan nilai dan norma (Mulkey, et al., 1992) terutamanya dalam keluarga alternatif.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan di atas, adalah jelas bahawa

tidak semua ibu bapa yang berpeluang untuk menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam pendidikan anak di rumah dan di sekolah. Pelbagai masalah dalam menelusuri latar belakang keluarga, menghalang penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Tambahan lagi, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak juga mendapati bahawa tahap pendidikan seseorang anak menunjukkan pergantungan yang tinggi terhadap kedudukan ekonomi ibu bapa dan kehendak ibu bapa melentur seseorang anak berbanding keupayaan dan usaha pelajar itu sendiri (Brown, 1990).

Justeru, dengan memfokuskan kepada latar belakang sosioekonomi dan penglibatan ibu bapa, kertas ini mengetengahkan kekuatan pengaruh latar belakang keluarga terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Kertas ini juga dapat menerangkan strategi-strategi yang digunakan oleh ibu bapa dalam melibatkan diri dalam pendidikan anak. Selain itu, kertas ini juga diharap dapat mengemukakan idea untuk merancang dan melaksanakan polisi, program dan bantuan-bantuan lain bagi meningkatkan pencapaian pendidikan dalam kalangan pelajar.

Metodologi

Sebanyak 150 orang pelajar berbangsa India daripada jumlah 194 pelajar yang menuntut di Sekolah Kebangsaan di daerah Kerian yang terletak di negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia dipilih secara rawak iaitu mengikut persampelan rawak berlapis. Para pelajar ini masing-masing terdiri daripada 50 orang pelajar yang berada di Tahun Tiga (berusia 9 tahun), Tahun Empat (berusia 10 tahun) dan Tahun Lima (berusia 11 tahun). Pelajar-pelajar Tahun Satu dan Tahun Dua tidak dipilih untuk kajian ini memandangkan golongan ini berada pada tahap awal persekolahan dan terlalu awal untuk memantau penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Pelajar-pelajar Tahun Enam pula tidak dipilih kerana peraturan ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia agar kajian tidak dilakukan ke atas pelajar-pelajar yang bakal

menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar yang dipilih untuk kajian ini merangkumi semua pelajar berbangsa India iaitu yang terdiri daripada pelajar-pelajar India, India Muslim, Kristian dan Sikh.

Berdasarkan jumlah 150 orang pelajar tersebut, salah seorang sama ada ibu atau bapa bagi setiap pelajar dipilih (atas pandangan anak tentang individu yang paling banyak meluangkan masa bersamanya dalam membantu pendidikannya) untuk dijadikan responden kajian bagi sampel ibu bapa ini. Pemilihan ini bukan sahaja dapat memberi gambaran menyeluruh tentang penglibatan ibu bapa berbangsa India terhadap pendidikan anak di Sekolah Kebangsaan di daerah Kerian di negeri Perak Darul Ridzuan malah mampu memberi penjelasan tentang perbezaan pengaruh ibu bapa ke atas pendidikan anak di Sekolah Kebangsaan di negeri Perak Darul Ridzuan dan juga Malaysia secara umum.

Temu bual berstruktur dilakukan ke atas sampel ibu bapa yang dipilih. Soal selidik digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kuantitatif daripada sampel ibu bapa yang dikaji. Soal selidik ini merangkumi soalan-soalan berkaitan latar belakang sosioekonomi ibu bapa dan tingkah laku penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mereka. Maklumat asas mengenai taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pendapatan isi rumah dikumpul daripada ibu bapa yang dikaji.

Taraf pendidikan ibu bapa diklasifikasikan kepada tujuh kategori iaitu (1) Tiada pendidikan formal (2) Tamat sekolah rendah (3) Memasuki sekolah rendah tetapi tidak tamat pendidikan sekolah menengah (4) Tamat sekolah menengah (5) Sijil dan diploma (6) Ijazah pertama, dan (7) Ijazah lanjutan. Pekerjaan ibu bapa pula diklasifikasikan kepada enam kategori iaitu (1) Profesional/teknikal (2) Pentadbiran/perkeranian (3) Perkhidmatan (4) Berniaga (5) Buruh, dan (6) Tidak bekerja. Selain itu, pendapatan ibu bapa diklasifikasikan kepada enam

kategori iaitu (1) Tiada (2) Di bawah RM1000 (3) RM1001 - RM2000 (4) RM2001 – RM3000 (5) RM3001 – RM4000, dan (6) RM4001 dan ke atas. Pendapatan Isi Rumah pula diklasifikasikan kepada lima kategori iaitu (1) Di bawah RM1000 (2) RM1001 - RM2000 (3) RM2001 – RM3000 (4) RM3001 – RM4000, dan (5) RM4001 dan ke atas.

Jadual 1: Penerangan tentang Pembolehubah yang Digunakan dalam Analisis

Pembolehubah	Penerangan
Perbincangan Masa Depan	Kesedaran ibu/bapa untuk berbincang dengan anaknya tentang masa depan anaknya.
Perbincangan Aktiviti Sekolah	Kesedaran ibu/bapa untuk berbincang tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anaknya di sekolah.
Mengetahui Corak Pembelajaran	Kesedaran ibu/bapa untuk mengetahui corak pembelajaran yang dilakukan oleh anaknya di sekolah.
Mengenalpasti Masalah Akademik Di Sekolah	Kesedaran ibu/bapa untuk mengenal pasti masalah dalam pendidikan yang dihadapi oleh anaknya di sekolah dalam akademik.
Mengenalpasti Masalah Akademik Di Rumah	Kesedaran ibu/bapa untuk mengenalpasti masalah dalam pendidikan yang dihadapi oleh anaknya di rumah.
Membantu Kerja Rumah	Kesedaran ibu/bapa untuk membantu kerja rumah anaknya yang diberikan oleh pihak sekolah.
Mengenalpasti Kerja Rumah	Kesedaran ibu/bapa untuk mengenalpasti semua kerja rumah yang diberikan oleh pihak sekolah.
Membimbing Peperiksaan	Kesedaran ibu/bapa untuk membimbing anak sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.
Memantau Peperiksaan	Kesedaran ibu/bapa untuk memantau pencapaian peperiksaan yang diadakan di sekolah dari semasa ke semasa.
Menyuntik Motivasi	Kesedaran ibu/bapa untuk menyuntik motivasi kepada anaknya untuk terus belajar dengan bersungguh-sungguh.
Limitasi Masa	Kesedaran ibu/bapa untuk memberi pengagihan masa yang terancang kepada anaknya untuk belajar, menonton dan aktiviti masa lapangnya.
Pembelian Bahan Bacaan	Kesedaran ibu/bapa untuk membelikan bahan bacaan tambahan (seperti surat khabar dan majalah) untuk anaknya dalam usaha meningkatkan prestasi pendidikan anaknya.
Pembekalan Tuisyen	Kesedaran ibu/bapa untuk membekalkan tuisyen kepada anaknya untuk memperbaiki prestasi pendidikannya.
Pemantauan Pergerakan	Kesedaran ibu/bapa untuk memantau pergerakan anaknya di tempat-tempat lain (seperti pusat membeli-belah, padang permainan dsb) selain sekolah dan rumah.

Tingkah laku ibu bapa dalam membantu pola pendidikan anak dilihat sebagai kepercayaan terhadap kebolehan ibu bapa melibatkan diri dalam pelbagai praktis pendidikan yang dapat menjamin kejayaan pendidikan anak (Walker, et al., 2005). Dalam melihat tingkah laku penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak, setiap responden diminta untuk menyatakan sama ada 'Sangat Bersetuju', 'Bersetuju', 'Bukan Bersetuju dan juga Bukan Tidak Bersetuju', 'Kurang Bersetuju' atau 'Tidak Bersetuju' terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik melibatkan praktis-praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Rujuk Jadual 1 untuk item-item berkaitan praktis yang terdapat dalam soal selidik.

Setiap temu bual berstruktur menggunakan borang soal selidik mengambil masa lebih kurang 30 minit. Temu bual berstruktur ini dilakukan oleh pengkaji sendiri. Setiap responden yang terlibat dalam temu bual berstruktur ini telah dimaklumkan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh responden sewaktu sesi temu bual ini adalah sulit dan akan dirahsiakan.

Analisis

Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak melalui praktis-praktis yang digunakan dalam membantu pola pendidikan anak mereka di rumah dan di sekolah. Selain itu, analisis kajian ini memberi keutamaan kepada menguji pengaruh latar belakang sosioekonomi ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Justeru, Regresi Logistik Binari digunakan ke atas data yang dikumpul daripada sampel ibu bapa. Pengaruh empat pembolehubah bebas iaitu Taraf Pendidikan, Pekerjaan, Pendapatan dan Pendapatan Isi Rumah ke atas 14 pembolehubah terikat yang merupakan praktis-praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak diperhatikan.

Selaras keperluan analisis regresi logistik binari, keempat-empat pembolehubah terikat

dikodkan ke bentuk data dikotomi iaitu mengandungi data yang dikod menggunakan '0' dan '1'. Oleh itu, Taraf Pendidikan ibu bapa pada asasnya menggunakan skala ordinal dikod mengikut pencapaian pendidikan tertinggi yang ditamatkan, dikod semula ke bentuk data dikotomi iaitu 0 = sekolah rendah ke bawah dan 1 = sekolah menengah ke atas. Pekerjaan ibu bapa pula telah dikod semula kepada skala dikotomi iaitu 0 = pekerjaan kelas bawahan dan 1 = pekerjaan kelas menengah. Kategori 'pekerjaan kelas bawahan' dan 'pekerjaan kelas menengah' dibentuk berdasarkan enam tahap kelas yang dicadangkan oleh William Lloyd Warner (1960). Pendapatan ibu bapa dikod sebagai 0 = Di bawah RM1000 dan 1 = RM1001 ke atas manakala Pendapatan Isi Rumah ibu bapa dikod sebagai 0 = RM 1000 dan ke bawah dan 1 = RM1001 ke atas.

Kesemua 14 pembolehubah yang menerangkan tingkahlaku penglibatan ibu bapa yang pada asasnya menggunakan lima skala ordinal iaitu 'Sangat Bersetuju', 'Setuju', 'Bukan Bersetuju dan Bukan Tidak Bersetuju', 'Kurang Bersetuju' dan 'Tidak Bersetuju' juga dikodkan semula ke dalam skala dikotomi. Skala 'Sangat Bersetuju' dan 'Setuju' dikodkan sebagai 1 = Tinggi manakala skala 'Bukan Bersetuju dan Bukan Tidak Bersetuju', 'Kurang Bersetuju' dan 'Tidak Bersetuju' pula dikodkan sebagai 0 = Rendah. Dalam hal ini, kategori 'Tinggi' memperlihatkan penglibatan ibu bapa yang tinggi pada konsep yang dikaji dan sebaliknya bagi kategori 'Rendah'.

Keputusan

Kajian membuktikan bahawa tanpa menilai status sosioekonomi ibu bapa, kebanyakan ibu bapa terlibat secara aktif dalam menyelia pendidikan anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembolehubah *Menyuntik Motivasi*, *Perbincangan Masa Depan*, *Mengenalpasti Masalah Akademik Di Rumah*, *Pemantauan Pergerakan* dan *Perbincangan Aktiviti*

Sekolah dan merupakan antara 5 pembolehubah yang memperlihatkan penglibatan ibu bapa yang tinggi dalam menyelia pendidikan anak melibatkan lebih daripada 80.0% ibu bapa bagi setiap satu. Pembolehubah lain seperti *Limitasi Masa*, *Mengenalpasti Masalah Akademik Di Sekolah*, *Mengenalpasti Kerja Rumah*, *Memantau Peperiksaan*, *Mengetahui Corak Pembelajaran*, *Pembelian Bahan Bacaan*, *Membantu Kerja Rumah* dan *Membimbing Peperiksaan* merupakan antara 8 pembolehubah yang memperlihatkan penglibatan ibu bapa yang tinggi dalam menyelia pendidikan anak melibatkan lebih daripada 70.0% dan 80.0% ibu bapa bagi setiap pembolehubah. Hanya *Pembekalan Tuisyen* merupakan antara satu-satunya strategi yang memperlihatkan penglibatan ibu bapa sebanyak 66.7%.

Berdasarkan penerangan di atas, terdapat tiga bentuk penglibatan yang ditunjukkan oleh ibu bapa dalam menyelia pendidikan anak:

- Membantu pola pembelajaran anak di rumah

Hasil kajian membuktikan bahawa sebanyak 84.3% dari sampel ibu bapa menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam menyuntik motivasi kepada anak untuk terus belajar dengan bersungguh-sungguh dan 86.0% ibu bapa didapati kerap berbincang dengan anak tentang masa depan anak. Selain itu, 82.7% ibu bapa pula menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh anak dalam proses pembelajaran di rumah. Sebanyak, 86.7% ibu bapa pula kerap berbincang tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak di sekolah untuk mendapat gambaran tentang perkara-perkara yang dilakukan oleh anak mereka di sekolah selain untuk mendapatkan maklumat daripada anak tentang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Tambahan lagi, 77.3% ibu bapa dilihat memberi pengagihan masa yang terancang

kepada anak untuk belajar, menonton dan aktiviti masa lapangnya agar masa yang terluang digunakan sebaik mungkin. Selain itu, 76.7% ibu bapa mengenalpasti kerja rumah yang diberikan oleh pihak sekolah agar anak dapat melengkapkan setiap kerja rumah yang diberikan oleh pihak sekolah. Di samping itu, 71.3% ibu bapa juga membantu anak dengan kerja rumah anak yang diberikan oleh pihak sekolah sekiranya anak tidak memahami cara untuk melengkapkan kerja rumah tersebut manakala 70.0% ibu bapa memperlihatkan penglibatan yang tinggi dalam membimbing anak sebagai persediaan menghadapi peperiksaannya. Sebanyak 72.7% ibu bapa membelikan bahan bacaan tambahan untuk membolehkan anak mendapat maklumat tambahan yang mungkin dapat membantunya dalam pembelajarannya. Akhir sekali, sebanyak 66.7% ibu bapa membekalkan tuisyen kepada anak untuk memperbaiki pencapaian pendidikan anak masing-masing. Berdasarkan perbincangan dengan ibu bapa, didapati ibu bapa mengutamakan tuisyen di rumah untuk anak yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berpendidikan tinggi.

- Berhubung dengan pihak sekolah

Berdasarkan kajian, sebanyak 77.3% ibu bapa mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anak di sekolah dalam pendidikan. Kebanyakan ibu bapa kerap bertemu dengan pihak sekolah terutamanya guru kelas untuk mendapatkan maklumbalas dan membincangkan masalah yang dihadapi oleh anak mereka dalam pendidikan. Sebanyak, 75.3% ibu bapa pula memantau pencapaian peperiksaan anak dari semasa ke semasa berdasarkan peperiksaan yang diadakan oleh pihak sekolah dari semasa ke semasa. Tambahan lagi, sebanyak 72.7% ibu bapa mengetahui corak pembelajaran yang dilakukan oleh anaknya daripada pihak sekolah.

- Memantau aktiviti anak di luar rumah-sekolah

Selain itu, sebanyak 80.7% ibu bapa pula memantau pergerakan anak serta aktiviti mereka selain di sekolah dan di rumah. Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan disiplin anak dilentur dengan baik agar anak mereka tidak terlibat dalam sebarang masalah sosial.

Berdasarkan praktis-praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak seperti yang telah diuraikan di atas, secara keseluruhannya adalah jelas bahawa ibu bapa dapat menilai kepentingan pendidikan. Penilaian terhadap kepentingan pendidikan, telah mendorong ibu bapa membantu pola pendidikan anak di rumah dan di sekolah. Lebih tinggi penilaian yang diletakkan oleh ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan, lebih tinggi penglibatan yang ditunjukkan dan lebih tinggi lagi ekspektasi yang diletakkan terhadap pencapaian pendidikan anak.

Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai praktis yang digunakan oleh ibu bapa dalam menyelia pendidikan anak yang belajar di Sekolah Kebangsaan. Praktis-praktis yang digunakan oleh ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak ibu bapa menunjukkan distribusi yang sama iaitu pemusatan dalam tahap penglibatan yang tinggi. Hal ini bermakna, ibu bapa dapat menilai kepentingan pendidikan, memahami keperluan untuk menyokong pendidikan dan telah menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam menyelia pola pendidikan anak mereka.

Jadual 2 pula menunjukkan regresi binari logistik bagi status sosioekonomi ibu bapa dengan penglibatan mereka dalam pelbagai praktis pendidikan anak. Latar belakang sosioekonomi ibu bapa memperlihatkan pengaruh ke atas 14 pembolehubah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Kebanyakan daripada hubungan yang diperhatikan adalah signifikan namun

pengaruhnya tidaklah besar dan kekuatannya bergantung kepada jenis penglibatan yang diutamakan oleh ibu bapa.

Jadual 2: Regresi Binari Logistik antara Status Sosioekonomi Ibu Bapa dan Praktis-Praktis Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak.

Pembolehubah Terikat	Konstan	Taraf Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan	R ²
Perbincangan Masa Depan	0.336	1.660**	2.074*		0.20
Perbincangan Aktiviti Sekolah	0.747	1.564**			0.10
Mengetahui Corak Pembelajaran	-0.345	1.396**	1.158*		0.15
Mengenalpasti Masalah Akademik Di Sekolah	-0.246	1.583**	1.518*		0.19
Mengenalpasti Masalah Akademik Di Rumah	0.288	1.755***			0.14
Membantu Kerja Rumah	-0.482	1.500**		1.388*	0.15
Mengenalpasti Kerja Rumah	-0.517	1.953***		1.547*	0.21
Membimbing Peperiksaan	0.643			1.266*	0.06
Memantau Peperiksaan	-0.192	1.403**		1.494*	0.14
Menyuntik Motivasi	0.206	1.621**		2.199*	0.17
Limitasi Masa	-0.008	1.341**		1.345*	0.12
Pembelian Bahan Bacaan	-0.657	1.720***		2.265**	0.21
Pembekalan Tuisyen	-0.529	1.216**		1.599**	0.14
Pemantauan Pergerakan	-0.022	1.484**	2.542*		0.22

*p<0.05 **p<0.01 ***p<0.001

n = 150

Hasil kajian membuktikan bahawa perbezaan sosioekonomi ibu bapa khususnya taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan mempengaruhi kesedaran dalam kalangan ibu bapa pelajar dalam membantu pendidikan anak. Ini selaras dengan kajian Ho Sui-Chu dan Willms (1996) yang menekankan pola interaksi dalam keluarga, komunikasi dengan pihak sekolah, penyeliaan di rumah dan penglibatan ibu bapa di sekolah lalu mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara taraf sosioekonomi dan penglibatan ibu bapa.

Dalam kalangan ibu bapa pelajar yang dikaji, ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan dan pekerjaan yang tinggi menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam berbincang dengan anak tentang masa depan anak mereka, mengetahui corak pembelajaran yang dilakukan oleh anaknya di sekolah dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anaknya di sekolah dalam hal-hal berkaitan pendidikan. Selain itu, ibu bapa dalam kategori ini juga menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam memantau pergerakan anaknya di tempat-tempat lain selain sekolah dan rumah jika dibandingkan ibu bapa pelajar yang mempunyai taraf pendidikan dan pekerjaan yang rendah.

Selain itu, ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan dan pendapatan yang tinggi pula menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam membantu kerja rumah anaknya yang diberikan oleh pihak sekolah, mengenal pasti kerja rumah yang diberikan oleh pihak sekolah, memantau pencapaian peperiksaan anak dari semasa ke semasa dan menyuntik motivasi kepada anaknya untuk terus belajar dengan bersungguh-sungguh. Selain itu, ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan dan pendapatan yang tinggi juga menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam memberi pengagihan masa yang terancang kepada anak untuk belajar, menonton dan aktiviti masa lapangnya, membelikan bahan bacaan tambahan untuk anaknya dalam usaha meningkatkan prestasi pendidikan anaknya dan membekalkan tuisyen kepada anak untuk memperbaiki prestasi pendidikannya jika dibandingkan ibu bapa pelajar yang mempunyai taraf pendidikan dan pendapatan yang rendah.

Tambahan lagi, analisis regresi logistik binari juga mendapati bahawa lebih banyak ibu bapa yang berpendidikan tinggi juga menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam berbincang tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anaknya di sekolah dan mengenalpasti masalah pendidikan yang dihadapi oleh anaknya di rumah berbanding ibu bapa pelajar yang berpendidikan rendah. Begitu juga dengan ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang

tinggi menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam membimbing anak sebagai persediaan menghadapi peperiksaan di sekolah jika dibandingkan dengan ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa lebih tinggi taraf sosioekonomi bagi ibu bapa pelajar, lebih tinggi penglibatan ibu bapa dalam pelbagai strategi pendidikan anak di rumah dan di sekolah. Dengan ini dapat dikatakan bahawa ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak dengan sumber-sumber sosial dan budaya yang berbeza di mana ia bergantung kepada penentu-penentu status sosioekonomi seperti taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Maka, hasil kajian ini sedikit sebanyak menyokong kajian-kajian Katsilis dan Robinson (1990), Lueptow (1975), Baker dan Stevenson (1986), Lareau (1987) dan Ho Sui-Chu dan Willms (1996) yang telah membuktikan pembolehubah-pembolehubah taraf sosioekonomi seperti pendidikan, pekerjaan dan pendapatan mempunyai pengaruh yang tinggi ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Walau bagaimanapun, kesan pembolehubah bebas Taraf Pendidikan terhadap penglibatan ibu bapa ke atas pendidikan anak didapati jauh lebih tinggi daripada Pekerjaan dan Pendapatan. Keputusan kajian ini jelas menyokong kajian Lockheed, et al. (1989) yang melihat taraf pendidikan ibu bapa sebagai mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pola pembelajaran seseorang anak.

Perbincangan

Penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah adalah penting dalam memperlihatkan hubungan yang kuat dalam pencapaian pendidikan seseorang pelajar. Rentetan itu, ibu bapa memberi perhatian kepada keperluan pembangunan anak melalui praktis-praktis yang dapat menyokong penglibatan mereka dalam pendidikan anak agar praktis-praktis ini dapat menyumbang kepada pencapaian pendidikan yang berkesan. Selaras itu, kajian ini pada

asasnya ingin melihat pengaruh taraf sosioekonomi ibu bapa pelajar ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Hal ini kerana pembentukan praktis-praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak kebiasaannya dilihat kebergantungannya pada latar belakang sosioekonomi yang wujud dalam sesebuah keluarga.

Salah satu penemuan penting dalam kajian penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan pelajar-pelajar di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan ialah ibu bapa pelajar yang dikaji rata-rata terdiri daripada kelas bawahan yang berlatarbelakangkan status sosioekonomi yang rendah. Walaupun ibu bapa ini rata-rata terdiri daripada kelas bawahan dengan sosioekonomi yang rendah namun mereka menghargai kepentingan pencapaian pendidikan dalam kalangan anak. Hasil kajian mendapati rata-rata ibu bapa ini dapat menilai kepentingan ilmu dan tanggungjawab mereka untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak tidak kira di rumah mahupun di sekolah dan membolehkan melibatkan diri dalam pelbagai strategi penglibatan. Kepercayaan ini telah mendorong mereka melibatkan diri dalam pelbagai praktis berdasarkan nilai pendidikan yang diletakkan ke atas pencapaian pendidikan anak. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa ibu bapa daripada taraf sosioekonomi yang rendah juga dapat menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam soal pendidikan anak. Walau bagaimanapun, perbezaan taraf sosioekonomi yang wujud dalam kalangan ibu bapa sememangnya memberi kesan ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak, namun pengaruh yang ditunjukkan tidak begitu tinggi.

Dalam melihat kepada hasil ukuran regresi logistik binari, kajian ini menyokong kajian Katsilis dan Robinson (1990) iaitu secara umumnya terdapat bukti yang menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak berkait rapat dengan status sosioekonomi ibu bapa berbanding kedudukan kelas. Taraf sosioekonomi yang tinggi membolehkan ibu bapa mengurus pendidikan anak dengan lebih berkesan akibat

kepercayaan yang diletakkan terhadap kepentingan pendidikan berbanding ibu bapa yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah. Kelebihan taraf sosioekonomi pada ibu bapa membekalkan mereka dengan maklumat tentang keperluan dan praktis penglibatan yang perlu dilakukan demi kejayaan anak dalam pendidikan.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa taraf pendidikan ibu bapa; dan kombinasinya dengan pendapatan dan pekerjaan ibu bapa memperlihatkan pengaruh ke atas pelbagai praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi menunjukkan penglibatan yang lebih tinggi dalam menyelia dan menguruskan keperluan pendidikan anak. Data juga menunjukkan bahawa pendapatan dan pekerjaan ibu bapa mempengaruhi strategi-strategi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Justeru, dalam kajian ini taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan merupakan petunjuk utama yang menentukan praktis-praktis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak.

Dapatan kajian ini memperlihatkan dengan kajian Lee dan Bowen (2006) yang mendapati ibu bapa daripada latar belakang yang berbeza memperlihatkan jenis penglibatan yang berbeza kerana mereka berbeza dari segi tingkah laku, sikap dan persepsi. Tingkahlaku, sikap dan persepsi yang berakarumbikan kekuatan sosioekonomi ibu bapa memberi kesan ke atas praktis-praktis penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak. Maka, seperti yang dikatakan oleh Reay (2004), perbezaan dalam sumber kewangan, keyakinan dalam sumbangan pendidikan, taraf pendidikan dan maklumat mereka tentang persekolahan mempengaruhi ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak dengan lebih yakin. Justeru, faktor-faktor sosio-ekonomi iaitu taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan dalam kalangan ibu bapa pelajar ini dilihat menampakkan pengaruh ke atas strategi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak.

Berdasarkan pengaruh taraf sosioekonomi ibu bapa pelajar ke atas penglibatan ibu bapa yang dibincangkan di atas, kajian ini membuktikan bahawa ibu bapa yang mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih tinggi mempunyai lebih keuntungan sosial dan membolehkan mereka menilai kepentingan pendidikan kepada anak dan meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap pendidikan. Sebaliknya, ibu bapa daripada persekitaran hidup keluarga yang miskin dengan kekurangan taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pendapatan isi rumah menjejaskan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Ekonomi keluarga yang tidak kukuh menyebabkan ibu bapa tidak dapat menyediakan keperluan pendidikan yang secukupnya untuk membolehkan anak mereka berjaya dalam pendidikan. Oleh itu, taraf sosioekonomi yang rendah dalam kalangan ibu bapa yang miskin menyebabkan anak mengalami deprivasi (Pringle, 1971). Maka, persekitaran hidup keluarga yang dibelenggu kemiskinan menyekat ibu bapa menggarap peluang-peluang pendidikan yang wujud lalu menjejaskan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak.

Berdasarkan penjelasan ini, dapat dikatakan bahawa kekuatan sesebuah keluarga dan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak sememangnya berakarumbikan kekuatan sosioekonomi. Hal ini kerana, keluarga yang dapat mendominasi sumber-sumber kekayaan, pengetahuan dan ikatan sosial dilihat mampu menjalankan fungsinya sebagai keluarga (Nash, 2002) dan membolehkan ibu bapa memberi lebih banyak perhatian kepada pendidikan anak. Selain itu, kekuatan sesebuah keluarga juga memberi kesan yang positif ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Namun, persekitaran keluarga yang miskin akibat kelemahan taraf sosioekonomi menjejaskan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak.

Hasil kajian ini cukup jelas untuk membuktikan bahawa ibu bapa daripada taraf sosioekonomi yang rendah (khususnya taraf pendidikan) kurang terdedah kepada pengalaman-pengalaman pendidikan. Mereka juga kekurangan sosialisasi dalam hubungan

antara ibu bapa dan anak dan juga hubungannya dengan pihak sekolah. Keterbatasan proses sosialisasi ini menyekat aliran nilai, skil, sikap dan paten tingkahlaku ibu bapa kepada anak. Situasi ini menghalang manfaat yang diterima oleh ibu bapa sendiri daripada proses tersebut. Jurang perbezaan taraf sosioekonomi memberi kesan kepada peluang-peluang pendidikan yang mampu digarap oleh mereka.

Hasil kajian ini hanya memfokuskan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Oleh itu, kajian pada masa akan datang perlu dilakukan untuk menguji pengaruh status sosioekonomi ke atas pencapaian pendidikan anak. Kajian yang meneroka hubungan antara status sosioekonomi dan pencapaian pendidikan anak yang akan dilakukan ini juga perlu memfokuskan perbandingan antara tiga etnik utama yang terdapat di Malaysia iaitu etnik Melayu, Cina dan India. Kajian perbandingan sebegini mungkin memberi keputusan yang berbeza tentang tindakan dan tingkah laku ibu bapa daripada pelbagai etnik ini untuk menguruskan keperluan pendidikan anak. Selain itu, faktor perbezaan etnik ini juga mampu memberi hasil yang berbeza dalam menilai pengaruh status sosioekonomi ibu bapa ke atas pencapaian pendidikan anak.

RUJUKAN

- Astone, N.M. dan McLanahan, S.S. (1991). 'Family Structure, Parental Practices and High School Completion', *American Sociological Review*, Vol. 56. No. 3 (June), 318 – 330.
- Baker, D.P. dan Stevenson, D.L. (1986). 'Mothers' Strategies for Childrens's School Achievement: Managing the Transition to High School', *Sociology of Education*, 59 (July), 156-166
- Biblarz, T.J. dan Raftery, A.E. (1999). Family Structure, Educational Attainment, And Socioeconomic Success: Rethinking The 'Pathology of Matriarchy', *American Journal of Sociology*, 105(2) (Sept), 321-365.
- Bourdieu, P. (1977). 'Cultural Reproduction and Social Reproduction.' Dalam Kā́rabel, J. dan Halsey, A. H., *Power and Ideology in Education*. New York: Oxford University Press.

- Brown, P. (1990). The Third Wave: 'Education and the Ideology of Parentocracy', *British Journal of Sociology*, 11(1), 65-83.
- Chrispeels, J.H. dan Rivero, E. (2001). 'Engaging Latino Families for Student Success: How Parents Education Can Reshape Parents' Sense of Place in the Education of Their Children', *Peabody Journal of Education*, 76(2), 119-169.
- Demie, F., Butler, R. dan Taplin, A. (2002) 'Educational Achievement and the Disadvantage Factor: Empirical Evidence', *Educational Studies*, 28 (2), 101-110.
- Eliason, C. dan Jenkins, L. (2003). *A Practical Guide to Early Childhood Curriculum* (7th Edition). New Jersey: Prentice Hall.
- Entwisle, D.R. dan Hayduk, L.A. (1981). 'Academic Expectations and the School Attainment of Young Children', *Sociology of Education*, 54 (Jan), 34-50.
- Epstein, J.L. (1995). 'School/Family/Community Partnership: Caring for the Children We Share', *Phi Delta Kappan*, 76, 701-712.
- Gestwicki, C. (1987). *Home, School, and Community Relations: A Guide to Working with Families* (2nd Edition). USA: Delmar Thomson Learning.
- Gestwicki, C. (2000) *Home, School, and Community Relations: A Guide to Working with Families* (4th Edition). USA: Delmar Thomson Learning.
- Graybill, F.A. dan Iyer, H.K. (1994) *Regression Analysis: Concepts and Applications*. USA: Duxbury Press.
- Heyns, B. dan Catsambis, S. (1986) 'Mother's Employment and Children's Achievement: A Critique.' *Sociology of Education*, 59 (July), 140-151.
- Ho Sui-Chu, E. dan Willms, J.D. (1996). 'Effects of Parental Involvement On Eight-Grade Achievement.' *Sociology of Education*, 69 (April), 126-141.
- Howell, F.M. dan Freese, W. (1979). 'Race, Sex, and Aspirations: Evidence for the 'Race Convergence' Hypothesis', *Sociology of Education*, 52 (January), 34-46.
- Israel, G.D., Beaulieu, L.J. dan Hartless, G. (2001). 'The Influence of Family and Community Social Capital on Educational Achievement', *Rural Sociology*, 66(1), 43-68.
- Kaplan, D.S., Liu, X. dan Kaplan, H.B. (2001). 'Influence of Parents' self-feelings and Expectations on Children's Academic Performance', *The Journal of Educational Research*, 94 (6), 360-369.
- Katsillis, J. dan Robinson, R. (1990). 'Cultural Capital, Student Achievement, and Educational Reproduction: The Case of Greece', *American Sociological Review*, 55(2) (April), 270-278.
- Lareau, A. (1987) 'Social Class Differences in Family-School Relationships: The Importance of Cultural Capital', *Sociology of Education*, 60 (April), 73-85.

- Lee, J. dan Bowen, N.K. (2006). 'Parent Involvement, Culture Capital and the Achievement Gap Among Elementary School Children', *American Educational Research Journal*, 43(2), 193-218.
- Liontos, L. (2004). *How Can I Be Involved in My Child's Education* [Internet]. Diakses dari <http://www.kidsource.com/kidsource/content2/how.involved.html> pada 18 Oktober 2007.
- Lockheed, M.E, Fuller, B. dan Nyirogo, R. (1989). 'Family Effects on Students Achievement in Thailand and Malawi', *Sociology of Education*, 62 (October), 239-256.
- Lueptow, L.B. (1975). 'Parental Status and Influence and the Achievement Orientations of High School Seniors', *Sociology of Education*, 48 (Winter), 91-110.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi, Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Milne, A.M., Myers, D.E., Rosenthal, A.S. dan Ginsburg, A. (1986). 'Single Parents, Working Mothers, and The Educational Achievement of School Children', *Sociology of Education*, 59 (July), 125-139.
- Mulkey, L.M., Crain, R.L., Harrington, A.J.C. (1992). 'One-Parent Households and Achievement: Economic and Behavioral Explanations of a Small Effect', *Sociology of Education*, 65(1) (January), 48-65.
- Myers, D.E., Milne, A.M., Baker, K. dan Ginsburg, A. (1987). 'Student Discipline and High School Performance', *Sociology of Education*, Vol. 60 (January), pp 18-33.
- Nash, R. (2002). 'A Realist Framework for Sociology of Education: thinking of Bourdieu', *Educational Philosophy and Theory*, 34(3), 273-287.
- Poston, D.L. dan Falbo, T. (1990). 'Academic Performance & Personality Traits of Chinese Children: Onlies versus Others', *American Journal of Sociology*, 96(2) (September), 433-451.
- Pringle, M.L.K. (1971). *Deprivation and Education* (2nd Edition). London: Longman Group Limited.
- Ramsay, P., Harold, B., Hawk, K., Marriot, R. dan Poskitt, J. (1992). 'Sharing Curriculum Decisions with Parents: an overview of the findings of Project C.R.R.I.S.P.', *New Zealand Journal of Educational Studies*, 27(2), 167-181.
- Raty, H. (2006). 'What comes after compulsory education? A follow-up study on parental expectations of their child's future education', *Educational Studies*, 32(1), 1-16.
- Reay, D. (1999). 'Making Contacts with Teachers: Habitus, Cultural Capital and Mothers Involvement In Their Children's Primary Schooling.' Dalam Grenfell, M & Kelly, M. (1999). *Pierre Bourdieu: Language, Culture And Education. Theory Into Practise*. Germany: Peter Lang.
- Reay, D. (2004) 'Education and Cultural Capital: The Implications of Changing Trends In Education Policies', *Cultural Trends*, 13 (2), No.50, 73-86.

Sewell, W.H. & Hauser, R.M. (1980). 'The Wisconsin Longitudinal Study of Social and Psychological Factors in Aspirations and Achievements'. Dalam *Research in Sociology of Education and Socialization*, 1, 59-99.

Tudge, J.R.H., Otero, D., Piccinini, C.A., Doucet, F., Sperb, T.M. dan Lopes, R.S. (2006). 'A Window Into Different Cultural Worlds: Young Children's Everyday Activities in the United States, Brazil, and Kenya', *Child Development*, 77(3), 1446-1469.

Weiss, H., Caspe, M. dan Lopez, M.E. (2006) *Family Involvement in Early Childhood Education. Harvard Family Research Project* [Internet]. Diakses daripada: <http://www.gse.harvard.edu/hfrp/projects/fine/resources/research/earlychildhood.html> pada 14 Desember 2006.